

Konsep 1Malaysia dan Cabaran Pelaksanaannya ke Arah Pemantapan Perpaduan sebuah Negara-Bangsa

ABSTRAK

Konsep “1Malaysia” merupakan suatu konsep yang lahir dari cetusan pemikiran Perdana Menteri Malaysia yang keenam, iaitu Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak. Motonya yang bertajuk “rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan” merupakan usaha sebagai sebuah negara-bangsa untuk menyatukan hubungan antara kaum di Malaysia agar sebarang persengketaan kaum boleh dielakkan dan boleh hidup dalam keadaan aman damai serta rakyat bersama-sama kerajaan boleh berganding bahu untuk memajukan negara. Oleh itu, penulisan ini bertujuan untuk membincangkan nilai-nilai murni serta mengenalpasti cabaran-cabaran dalam pelaksanaannya dalam usaha untuk memperkasakan perdamaian di Malaysia. Antaranya cara untuk menyemai dan menerapkan nilai-nilai murni yang ada dalam konsep ini terhadap seluruh rakyat Malaysia serta strategi yang perlu ada dalam usaha untuk meningkatkan pemahaman dan pengetahuan rakyat Malaysia terhadap konsep “1Malaysia”. Ianya juga diharap dapat membantu mencapai matlamat kerajaan untuk melihat rakyat yang bersatu padu akan tercapai, sekaligus membantu membangunkan negara dalam mencapai Wawasan 2020 sebagai sebuah negara maju di dunia.

Kata-kata kunci: Konsep 1Malaysia, pembinaan negara-bangsa, nilai-nilai murni, cabaran pelaksanaannya, serta Wawasan 2020.

PENGENALAN

Negara Malaysia telah bebas daripada penjajah dan mendapat kemerdekaan sepenuhnya pada 31 Ogos 1957 (Islar, 2007). Kalimah kemerdekaan Malaysia dilaungkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, di Stadium Negara. Beliau juga digelar sebagai “Bapa Kemerdekaan” kerana atas usahanya dan beberapa tokoh kemerdekaan negara yang lain dalam usaha untuk mendapatkan kebebasan daripada penjajah melalui cara perundingan dan diplomasi. Hasil daripada kemerdekaan yang diperoleh, ia telah menjadi titik tolak bermulanya asas pembinaan sebuah negara-bangsa bagi Malaysia atau nama dahulunya “Malaya” dan bertukar nama kepada “Malaysia” apabila bergabung dengan Sabah dan Sarawak pada

Aizat bin Khairi ialah Calon Sarjana Sains Politik USM (Universiti Sains Malaysia), Pulau Penang, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, beliau boleh dihubungi dengan alamat emel: pengembara_jalanan@yahoo.com

tahun 1963, sedikit demi sedikit berkembang sebagai sebuah negara-bangsa yang mempunyai masyarakat berbilang kaum.

Negara Malaysia telah menyambut ulang tahun kemerdekaannya yang ke-53 tahun dan ini melambangkan bahawa Malaysia sudah pastinya mempunyai perkembangan daripada pelbagai aspek, termasuk pembangunan negara serta pembangunan masyarakatnya. Melalui pemantapan dan gabungan dua aspek utama, iaitu negara dan masyarakat dalam keadaan harmoni, ia sememangnya mempengaruhi akan kemajuan dan arus pemodenan sesebuah negara (Wan Othman Wan Halim, 1992). Namun, teras utama dalam mencapai status negara-bangsa yang berjaya, perpaduan, dan integrasi kaum merupakan aspek yang amat penting. Semenjak peristiwa hitam pergaduhan etnik 13 Mei 1969, kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif dan pendekatan untuk memperkukuhkan perpaduan antara kaum agar ia tidak mengganggu usaha pembangunan.

LATAR BELAKANG KONSEP 1MALAYSIA

Konsep 1Malaysia merupakan suatu konsep yang baru dilancarkan di Malaysia pada tahun 2009 yang lalu. Ia merupakan lanjutan daripada usaha kerajaan seperti pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, Rukun Negara, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Sosial Negara, dan seumpamanya agar sebarang konflik perkauman dapat dielakkan serta pencapaian dapat dipertingkatkan. Asas-asas yang ada dalam konsep 1Malaysia ini adalah untuk mencapai teras perpaduan antara kaum di Malaysia supaya cita-cita negara untuk mencapai Wawasan 2020 sebagai negara yang berstatus maju tercapai dengan jayanya. Di samping itu, ia diharap mampu untuk menyemarakkan lagi semangat perpaduan dan persaudaraan untuk meneruskan agenda pembinaan sebuah negara-bangsa yang berjaya.

Selain itu, konsep ini juga menekankan sikap penerimaan antara kaum di Malaysia agar semua pihak saling hormat-menghormati antara satu sama lain dalam aspek budaya, bahasa, dan agama. Ini selaras dengan ucapan Perdana Menteri Malaysia yang ke-6 berkenaan dengan konsep 1Malaysia, iaitu:


1Malaysia adalah satu gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia.

Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Hj Abd Razak,
Perdana Menteri Malaysia (PPM, 2009).

Konsep 1Malaysia boleh dikatakan menjadi suatu model untuk memperkasa perpaduan dan kesinambungan kepada pendekatan-pendekatan sebelum ini yang pernah dilaksanakan oleh pihak kerajaan (PPM, 2009). Hasil perpaduan yang dicapai akan dapat menjamin kestabilan, seterusnya mampu membawa negara ke arah kemajuan dan pencapaian yang lebih tinggi bagi rakyat dan negara. Jadi, konsep ini boleh disamaertikan sebagai satu strategi atau formula untuk mencapai aspirasi negara, iaitu Wawasan 2020 (Jurij Hj. Jalaludin, 1991).

Oleh sebab itu, untuk mencapai status yang kukuh ini hanya dapat dicapai melalui rakyat yang bersatu padu. Perpaduan yang ditonjolkan dalam konsep 1Malaysia bukan menggambarkan akan berlakunya asimilasi antara kaum seperti negara lain yang lazimnya identiti mereka dihapuskan dan digantikan dengan identiti nasional yang harus digunakan oleh semua pihak. Namun sebaliknya, konsep yang diketengahkan ini menghargai dan menghormati identiti setiap etnik yang ada di Malaysia serta menganggap ia merupakan suatu elemen yang patut dibanggakan oleh semua lapisan masyarakat, di samping mengakui prinsip-prinsip yang ada dalam perlembagaan persekutuan.

Mengenai konsep 1Malaysia ini terdapat dua aspek utama yang perlu dilaksanakan agar konsep ini mencapai matlamatnya dengan baik. *Pertama*, penerapan teras-teras perpaduan; dan *kedua*, mengenai penerapan nilai-nilai aspirasi. Penerapan teras-teras perpaduan perlulah dijadikan budaya dan praktis bagi semua golongan rakyat di Malaysia kerana ia merupakan komponen utama yang mampu menjadikan rakyat berbilang kaum di Malaysia dapat hidup bersatu padu. Di samping itu, teras ini haruslah diimplementasikan oleh nilai-nilai murni seperti saling hormat-menghormati antara satu sama lain, sabar, bersopan-santun, dan sebagainya yang sepatutnya menjadi amalan dan praktis rakyat di Malaysia. Aspek kedua, melalui penerapan nilai-nilai aspirasi pula, adalah perlunya ada masyarakat yang progresif dan dinamik yang akan memacu negara dalam usaha mencapai status negara maju. Nilai ini penting bagi mewujudkan semangat persaingan di peringkat global serta dapat meningkatkan mutu kerja seterusnya berjaya mengukuhkan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.¹



Rajah A

Model Teras-teras Perduan dalam Konsep 1Malaysia

¹Sebuah pemahaman yang jelas tentang usaha dan inisiatif yang dilakukan untuk perpaduan sebelum ini dan agar konsep 1Malaysia yang diketengahkan ini mampu membawa keunikan tersendiri, lihat Rita Sim (2010).

Elemen-elemen yang terdapat dalam teras perpaduan adalah seperti sikap menerima. Konsep 1Malaysia ini menekankan toleransi dan penerimaan keunikan setiap kaum yang ada, serta memahami dan juga menghormati antara satu sama lain agar dapat hidup bersama dengan baik dalam sebuah negara. Di samping itu, elemen memahami prinsip kenegaraan yang berasaskan perlembagaan persekutuan, dan Rukun Negara juga penting dalam menerapkan perpaduan di kalangan kaum di Malaysia, dan juga elemen keadilan sosial yang mana mementingkan perasaan kekitaan agar semua kaum terbela dan mereka tidak berasa dipinggirkan. Keadilan ini haruslah memberi fokus kepada taraf kemajuan dan ekonomi sesebuah kaum yang berbeza-beza. Hal ini akan membantu kerajaan memperuntukkan dasar-dasar yang akan membantu kepada mereka yang layak memerlukannya.

Teras-teras perpaduan haruslah dilandaskan oleh nilai-nilai murni sebagai mekanisme penggerak agar proses perpaduan antara kaum berjalan dalam suasana harmoni. Ia merangkumi empat aspek, iaitu hormat-menghormati, rendah hati, sederhana, dan berbudi bahasa. Hormat-menghormati antara setiap kaum yang berlainan budaya, agama, bahasa, dan adat resam agar dapat mengelakan berlakunya perselisihan faham yang mampu mengundang tindakan negatif seperti mengeluarkan kata-kata kesat dan mempersoalkan peruntukkan undang-undang berkaitan sensitiviti perkauman. Rendah hati atau *tawadhu* mengajar kita erti keinsafan dan kesedaran dalam diri di mana kita merupakan rakyat yang tinggal bersama-sama sebuah negara berdaulat. Di samping itu, kesedaran setiap kaum mempunyai kelemahan dan kelebihan perlu dipupuk agar kelebihan yang dimiliki mampu dimanfaatkan demi kepentingan bangsa, negara, dan agama. Kesederhanaan pula merupakan gaya hidup yang tidak terlalu ekstrem yang mana apabila menghadapi situasi yang negatif, tidak mudah terpengaruh dan cuba sedaya upaya mencari jalan penyelesaian melalui rundingan atau mengadakan dialog. Berbudi bahasa merupakan tingkah-laku yang bersopan-santun, tata tertib dalam menjalankan hubungan dan interaksi sesama kaum bagi menjana kemesraan dan pemuafakatan yang lebih kukuh.²

Mengenai implementasi aspek kedua dalam konsep 1Malaysia ini, sebanyak lapan nilai aspirasi perlu diterapkan oleh rakyat Malaysia, iaitu seperti berikut:

Pertama, mengenai budaya berprestasi tinggi, iaitu tugas yang diamanahkan kena dilaksanakan pada tahap terbaik. Sikap “acuh tak acuh” perlu diketepikan kerana ia bukan lambang sebuah masyarakat berdaya maju.

Kedua, budaya ketetapan di mana seseorang individu atau komuniti haruslah mendidik sikap menepati masa dalam melaksanakan tugas dan mengutamakan

²Kenyataan daripada Datuk Ibrahim Ali. Beliau adalah Ahli Parlimen bagi Pasir Mas, Kelantan; dan Presiden PERKASA (Pertubuhan Pribumi Malaysia). Beliau pernah membentangkan kertas kerja pada Seminar Kebangsaan 1Malaysia, yang diselenggarakan oleh Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan USM (Universiti Sains Malaysia) di Putrajaya pada 11 Ogos 2009. Lihat Ibrahim Ali (2009); dan akhbar *Utusan Malaysia* (Kuala Lumpur: 13 Ogos 2009).

kecekapan serta ketepatan. Hal ini merupakan budaya bagi sesebuah masyarakat maju.

Ketiga, budaya ilmu, iaitu kesediaan untuk menimba ilmu pengetahuan walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran, kerana melalui perkembangan ilmu ia mampu membantu negara mencapai kemajuan dan pemodenan.


Keempat, integriti yang tinggi seperti bersih, cekap, dan amanah juga perlu ada dalam setiap diri masyarakat agar dalam melaksanakan tugas dan amanah sentiasa disegani dan dihormati.

Kelima, ketabahan, iaitu sikap bersedia menerima cabaran dan sabar dalam menempuh dugaan serta tidak mudah mengaku kalah, sebaliknya mempunyai semangat dan keyakinan diri yang tinggi dalam apa jua bidang yang diceburi.

Keenam, kesetiaan yang melibatkan kesanggupan untuk berkorban dan berbakti kepada negara demi membuktikan maruah dan kedaulatan negara dipertahankan dan dijaga.

Ketujuh, kebijaksanaan, iaitu cara menghadapi situasi dan masalah tertentu dengan penuh hemat dan teliti agar penyelesaian dan pendekatan diambil tidak menyinggung perasaan mana-mana pihak.

Kedelapan, budaya berinovasi yang melambangkan rakyat Malaysia itu berani menceburi bidang baru dan juga harus dikenali sebagai pemimpin dalam pelbagai bidang yang diceburi. Perubahan perlu dilakukan untuk menjadi lebih baik lagi demi kebaikan dalam menangani masalah serta bersedia untuk menjadi perintis.



Rajah B
Model Penerapan Nilai-nilai Aspirasi dalam Konsep 1Malaysia

CABARAN

Mengenai konsep 1Malaysia ini sudah jelas akan intipati dan matlamat penubuhannya, namun jika konsep ini tidak diberi perhatian dan tidak ada niat untuk mengetahui, semestinya konsep ini sia-sia belaka. Oleh yang demikian, masalah yang perlu dikaji dan diberi perhatian di sini ialah dengan melihat bagaimana untuk menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran yang timbul dalam usaha untuk memperkasakan pelaksanaan konsep 1Malaysia (Fauzi, 1987). Konsep ini adalah untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama, dan budaya, serta tidak mengenal umur, jantina, taraf kehidupan, dan sebagainya. Jadi cabarannya bagaimana untuk menyebarkan konsep 1Malaysia kepada seluruh rakyat Malaysia agar konsep ini dikenali. Hal ini penting kerana terdapat segelintir anggota masyarakat yang tidak tahu langsung mengenai konsep yang dilancarkan ini dan jika tidak tahu, masakan konsep ini hendak difahami dan dipraktikkan?

Pihak kerajaan dilihat berusaha untuk menyampaikan informasi dan maklumat berkaitan dengan konsep 1Malaysia, seperti menubuhkan laman sesawang 1Malaysia yang mengandungi intipati dan informasi berkaitan, laman blog Perdana Menteri, pertandingan mencipta lagu 1Malaysia, pertandingan melukis poster bagi pelajar IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam), dan seumpama. Kerajaan juga telah membelanjakan jutaan wang Ringgit Malaysia dalam penyediaan hadiah kepada pemenang, iklan di televisyen dan surat khabar serta di papan iklan, kempen, dan juga seminar. Namun, ianya belum tentu mencapai matlamat untuk menarik perhatian masyarakat keseluruhannya. Usaha kerajaan ini juga tidak jelas dalam mencari golongan sasaran utama dalam mempromosikan konsep ini agar sasaran utama akan mempengaruhi kelompok-kelompok masyarakat yang lain. Di samping itu, tindakan kerajaan dalam menggunakan arus media elektronik dan media massa dilihat tidak efektif dan efisien kerana walaupun maklumat dan informasi berjaya disebarkan, meskipun tidak semua yang menonton, melihat, dan membacanya, namun ia hanya akan mendatangkan kesan positif jangka pendek sahaja dan ini akan menyukarkan pengetahuan serta pemahaman mengenai konsep 1Malaysia dicapai.

Implementasi kerajaan dalam melancarkan dan melaksanakan konsep 1Malaysia sememangnya merupakan suatu inisiatif yang baik, namun boleh dikatakan strategi dan pelan tindakan mereka tidak begitu memuaskan. Mengenai usaha untuk mendidik dan menyemai perasaan kekitaan melalui konsep 1Malaysia bukannya mudah. Ia memerlukan perancangan yang rapi dan memakan masa yang lama. Hal ini kerana bukan mudah untuk mendidik masyarakat menuju ke arah perpaduan dan mempunyai nilai-nilai murni. Ini disebabkan golongan masyarakat adalah manusia yang mempunyai akal fikiran yang berlainan, dan juga mempunyai hati dan perasaan. Mereka bukanlah sebuah robot yang boleh diprogramkan untuk menurut sesuatu kehendak dan tujuan.

Jadi, perancangan jangka pendek dan dibuat secara tergesa-gesa akan membawa kepada hasil yang tidak akan mencapai matlamatnya, sebaliknya ia akan membawa kepada signifikan yang negatif kepada kerajaan, khususnya yang menjadi batu asas kepada penubuhan dan pelaksanaan konsep 1Malaysia ini. Imej kerajaan akan tercalar jika konsep ini tidak memberi sebarang perubahan kepada masyarakat dan negara; dan kerajaan akan menerima kritikan daripada rakyatnya sendiri serta daripada negara dan masyarakat luar akibat sambutan yang kurang memuaskan dan idea yang tidak begitu baik serta banyak wang RM (Ringgit Malaysia) yang diguna-pakai bagi menjayakannya.

Terdapat segelintir golongan masyarakat yang mempunyai persepsi negatif terhadap konsep 1Malaysia. Bahkan konsep ini dianggap sebagai suatu propaganda daripada pihak kerajaan dalam usaha untuk menarik pengaruh rakyat supaya mendapat hasil yang positif dalam pilihanraya akan datang. Mereka yang bersikap negatif ini lazimnya terdiri daripada golongan yang menjadi pembangkang kepada kerajaan dan dengan pandangan stereotaip terhadap kerajaan, mereka sudah pasti akan menolak pendekatan kerajaan ini tanpa mengetahui intipati dan maklumat yang ada dalam konsep 1Malaysia.

Dalam pada itu, sebahagian masyarakat Malaysia juga dilihat kurang begitu mengendahkan dan memberi perhatian kepada pelancaran dan pelaksanaan konsep 1Malaysia ini. Mereka berpendapat bahawa konsep ini tidak mempunyai perkaitan dalam kehidupan masyarakat. Kehidupan mereka yang sibuk, kurang memberi perhatian kepada perkara yang dalam pandangan mereka dianggap remeh ini. Jadi, persepsi yang negatif daripada segelintir golongan dan sikap kurang ambil peduli daripada sebagian masyarakat – bila tidak diambilkira dan ditadbir dengan baik dan cekap – akan mempengaruhi rakyat Malaysia supaya tidak memberi perhatian dan pelaksanaan terhadap konsep 1Malaysia ini.

KONSEP NEGARA-BANGSA

Perdana Menteri Malaysia ke-6, iaitu Datuk Seri Mohd Najid Tun Razak, telah memperkenalkan konsep 1Malaysia sebaik sahaja beliau mengangkat sumpah jawatan tertinggi negara di Malaysia itu pada bulan April 2009. Bagi beliau, masyarakat di Malaysia perlu diperkasakan perpaduannya agar ia tidak menghalang arus pembangunan negara dan mencapai status negara bangsa yang berdaulat dan berjaya. Sungguhpun demikian, konsep negara-bangsa ini mempunyai kaitan juga dengan konsep 1Malaysia (Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman, Mohd Samsudin & Kamaruzaman Yusoff eds., 1998); dan pemahaman terhadap konsep negara dan bangsa itu sendiri harus berterusan dikaji agar ianya selari dan wajar dalam konteks pelaksanaan konsep 1Malaysia pada situasi kini.

Ramai ahli akademik dari Barat, Islam, dan juga Malaysia memberi takrifan dan kefahaman yang pelbagai mengenai konsep negara dan bangsa. Misalnya

pemikir politik Islam, Ibnu Khaldun, menyifatkan negara merupakan suatu tubuh yang keadaannya sama seperti tubuh manusia, mempunyai sifat-sifat dan tabiatnya sendiri, mempunyai jasmani dan rohani, serta batas umur. Ahli falsafah klasik Perancis, iaitu J.J. Rosseau, berpendapat pula bahawa negara merupakan kerjasama daripada rakyat untuk melindungi dan mempertahankan harta benda setiap anggota-anggotanya yang hidup bebas dan merdeka. Pemikir Komunis yang terkenal, yakni Karl Marx, pula mengkritik penubuhan negara kerana negara adalah alat daripada kelas yang menang untuk menindas yang kalah.³ Namun, ramai pensyarah politik di mana-mana universiti di Malaysia menegaskan bahawa negara adalah sekumpulan manusia yang menduduki sesebuah wilayah yang tetap di bawah penyelenggaraan sebuah kerajaan dan tidak tertakluk kepada kuasa luar; dan negara perlu mempunyai rakyat dan kerajaan bagi menepati maksudnya (Abdul Rahman Embong, 2001; dan Mohammad Redzuan Othman, 2006).

Justeru, negara merupakan kehidupan dalam sesebuah wilayah bersempadan, diperintah oleh satu badan politik dengan mempunyai perlembagaan dan mempunyai undang-undang tersendiri. Negara memerlukan ciri-ciri berikut: wujud matlamat dan cara mencapainya, mempunyai sistem politik yang tersendiri, sempadan, kewarganegaraan, wilayah atau daerah, keselamatan, perlembagaan, kegiatan harian yang normal, dan kebolehan untuk berpersatuan (Abdul Rahman Embong, 2001).

Pemahaman bangsa, menurut Abdul Rahman Embong (2001) lagi, adalah nasion atau komuniti politik yang terbentuk dalam sejarah yang mempunyai ciri-ciri kesinambungan dan juga perubahan. Satu komuniti orang ramai (komuniti politik) yang terbentuk dalam sejarah, dipertautkan melalui perkongsian wilayah bersama, ekonomi bersama, serta mempunyai unsur-unsur subjektif bersama yang merangkumi bahasa, budaya, sastera, dan nama yang dikongsi bersama. Bangsa dalam konteks negara Malaysia merupakan sebuah bangsa yang terbentuk oleh faktor sejarah, politik, ekonomi, dan interaksi sosial; dan akhirnya disatukan dengan ungkapan "bangsa Malaysia" (Shamsul Amri Baharuddin, 1990; Abdul Rahman Embong, 2001; Mohammad Redzuan Othman, 2006; dan Zajda *et al.* eds., 2009). Hal ini disebabkan "bangsa Malaysia" merupakan rakyat di dalam negara Malaysia yang sama serta berkongsi wilayah, ekonomi, budaya, dan nasib masa depan bersama dengan rupa bangsa yang satu wajah.

Perkara ini diperkukuhkan lagi dengan dua pengucapan umum bekas Perdana Menteri Malaysia yang ke-4, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad, khasnya mengenai peranan negara dan bangsa dalam menyatupadukan kaum-kaum di Malaysia. Beliau membuat kenyataan seperti berikut:

³Perbincangan yang hangat mengenai konsep negara dan bangsa ini berterusan sehingga kini, termasuk pada ahli-ahli akademik di Malaysia, sepertimana didedahkan oleh Abdul Rahman Embong (2001).

[...] membentuk sebuah negara yang bersatu padu serta menyanjung masa hadapan yang dikongsi bersama, maka bangsa itu mestilah sejahtera, berintegrasi wilayah-wilayah dan kelompok-kelompoknya, serta menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berasaskan persamaan hak dan keadilan. Membentuk sebuah bangsa Malaysia mestilah dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut (Mahathir Mohamad, 1991).


Dalam masa yang sama, ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam perasmian “Wawasan 2020” adalah seperti berikut:

[...] cabaran pertama yang paling asas ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020 adalah membentuk sebuah negara-bangsa (bangsa Malaysia) yang bersatu-padu serta menyanjung masa hadapan yang dipertingkatkan bersama [...] dan menumpukan taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut (*Utusan Malaysia*, 28/2/1991).

Mengenai konsep negara-bangsa pula, ianya lahir daripada gabungan kedua-dua konsep negara dan bangsa, iaitu pembentukan yang berasaskan kepada proses penyatuan bangsa dan diperkukuhkan lagi dengan persempadanan wilayah tertentu sebagai suatu identiti. Negara-bangsa juga lahir pada zaman moden di mana penduduknya daripada pelbagai etnik, agama, budaya, dan sebagainya (Ahmad Fawzi Basri, 1987; dan Mohammad Redzuan Othman, 2006).

Konsep negara-bangsa harus mempunyai gabungan daripada tiga komponen utama, iaitu individu, bangsa, dan negara. Individu merupakan asas kepada pembentukan bangsa dan negara kerana setiap interaksi yang dilakukan sesama mereka akan mempengaruhi individu yang lain dan akan membentuk suatu kumpulan yang mempunyai ciri-ciri persamaan dan kepentingan bersama yang akhirnya akan membentuk sebuah bangsa yang mempunyai motif pemerintahan sendiri dan mewujudkan negara. Bangsa adalah sesebuah kesatuan manusia yang tinggal dalam sesebuah negara. Ia merupakan sebuah kumpulan besar yang mana ahli-ahlinya mempunyai kepercayaan yang sama dan terikat dengan suatu identiti tertentu yang membentuk kumpulan manusia yang mempunyai persamaan daripada hubungan sejarah, kebudayaan, dan salasilah keturunan. Negara pula ialah suatu unit politik yang mempunyai kuasa, kedaulatan, tanggungjawab, dan tidak terikat kepada mana-mana pihak dalam menjalankan agenda pemerintahan; serta sesebuah negara juga haruslah mempunyai elemen-elemen seperti kedaulatan, rakyat, wilayah, dan kerajaan yang sah (Abdul Rahman Embong, 2001).

Mengenai ciri-ciri sesebuah negara-bangsa adalah seperti mempunyai masyarakat yang berbilang kaum, namun dapat hidup dengan bersatu padu, berkongsi pegangan ideologi politik, dan mempunyai keyakinan dan kepercayaan kepada sistem pemerintahan negara dan perlembagaan serta undang-undang negara. Faktor-faktor yang menjadi pemangkin kepada penubuhan sebuah negara-bangsa yang berjaya adalah seperti demokrasi, nasionalisme, patriotisme, dan integrasi.



Rajah C

Model Pelaksanaan Konsep 1Malaysia ke Arah Perpaduan untuk Mencapai Wawasan 2020

Oleh yang demikian, pelaksanaan konsep 1Malaysia yang dilancarkan oleh kerajaan dilihat tidak lari daripada usaha untuk mengukuhkan proses penyatupaduan dan perpaduan antara kaum di Malaysia. Secara tidak langsung, konsep 1Malaysia ini sedikit-sebanyak menyumbang kepada pemantapan sebuah negara-bangsa demi merealisasikan hasrat negara untuk mencapai Wawasan 2020 sebagai status negara maju di dunia. Hal ini kerana motif dan matlamat konsep 1Malaysia mempunyai perkaitan dan persamaan dengan konsep dan ciri-ciri untuk menjadi sebuah negara-bangsa yang berjaya. Oleh sebab itu, konsep 1Malaysia harus diperkasakan agar nilai dan aspek yang diketengahkannya dapat diketahui dan diberi perhatian oleh rakyat Malaysia. Justeru, perlunya suatu pendekatan bagi memastikan konsep 1Malaysia diketahui, difahami, diterima, dan seterusnya diimplementasikan oleh rakyat agar matlamat akhir boleh dicapai dengan jayanya.

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Malaysia sebagai sebuah negara-bangsa yang sedang membangun dengan pesat, semestinya mahu mencapai matlamat yang telah dibuat dengan jayanya tanpa dihalang oleh konflik antara kaum. Mengenai konsep 1Malaysia dan konsep negara-bangsa merupakan satu mekanisme yang dilihat mempunyai suatu matlamat untuk dikongsi bersama, iaitu berjaya mencapai hasrat negara untuk mencapai Wawasan 2020 sebagai status negara maju. Namun begitu, pelaksanaannya haruslah dikaji dan dirancang terlebih dahulu tanpa melaksanakan secara tergopoh-gapah kerana ini akan mengakibatkan kekeliruan dan sebagainya.

Oleh yang demikian, konsep 1Malaysia memerlukan jangka masa yang panjang untuk melihat keberkesanan, namun perkembangannya boleh dibuat dengan membuat penilaian dan pemantauan dari masa ke semasa. Ini

merupakan suatu inisiatif dalam menghadapi cabaran pelaksanaan konsep 1Malaysia agar matlamat penubuhannya berjaya dicapai untuk memperkasakan perpaduan antara kaum dalam usaha mengecapi perdamaian positif, yakni boleh hidup dalam keadaan aman dan harmoni tanpa sebarang persepsi negatif dan pandangan streotaip di Malaysia, dan seterusnya mampu bersama-sama membangunkan negara menuju ke arah Wawasan 2020.

Bibliografi

- Abdul Rahman Embong. (2001). *Negara Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Bangi, Selangor D.E.: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Ahmad Fawzi Basri. (1987). *Isu-isu Perpaduan Nasional*. Sintok, Kedah: Sekolah Pengajian Asasi UUM [Universiti Utara Malaysia].
- Akhbar *Utusan Malaysia*. Kuala Lumpur: 13 Ogos 2009.
- Atan Long. (1984). *Pendidik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Awang Had Salleh. (1980). *Pendidikan ke Arah Perpaduan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Berita “Wawasan 2020” dalam akhbar *Utusan Malaysia*. Kuala Lumpur: 28 Februari 1991.
- Fauzi, M. (1987). *Isu-isu Perpaduan Nasional*. Kuala Lumpur: Penerbit Seasons.
- Mahathir Mohamad. (1991). *Melangkah ke Hadapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Miall, H., O. Ramsbotham & T. Woodhouse. (1999). *Contemporary Conflict Resolution*. UK: Polity Press.
- Ibrahim Ali. (2009). “1Malaysia: Perspektif Generasi Kemerdekaan”. *Kertas kerja* dibentangkan pada Seminar Kebangsaan 1Malaysia, yang diselenggarakan oleh Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan USM (Universiti Sains Malaysia) di Putrajaya pada 11 Ogos.
- Islar, Mine. (2007). *The Current Nation Building Process in Malaysia: A Critical Look at the English-Medium of Instruction Policy*. UK: Lund University, Center of East and Southeast Asian Studies Master Programme in Asian Studies East and Southeast Asia Track.
- Jurij Hj. Jalaludin. (1991). *Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn .Bhd.
- Kamarulzaman Askandar. (2004). *The Making of Ethnic & Religious Conflicts in Southeast Asia: Cases and Resolutions*. Yogyakarta, Indonesia: Center for Security and Peace Studies, Universitas Gadjah Mada.
- Kamarulzaman Askandar. (2007). *Promoting the “Peace Dream”: Creating & Supporting the Dream Keepers in Southern Thailand*. Pulau Pinang, Malaysia: USM [Universiti Sains Malaysia].
- Mansor Mohd Noor [ed]. (2005). *Integrasi Etnik di Institut Pengajian Tinggi Awam*. Pulau Pinang: Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara.
- Mohammad Redzuan Othman. (2006). *Sejarah Pembinaan Negara Bangsa: Siri Khas Sastera dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya].
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman, Mohd Samsudin & Kamaruzaman Yusoff [eds]. (1998). *Prosiding Kongres Sejarah Malaysia II: Sejarah dan Proses Pemantapan Sejarah Bangsa*. Kuala Lumpur: PSM [Persatuan Sejarah Malaysia].
- PPM [Pejabat Perdana Menteri]. (2009). *Booklet 1Malaysia*. Putrajaya, Malaysia: Pejabat Perdana Menteri.
- Rita Sim. (2010). *What it Takes to Make 1Malaysia a Success*. Putra Jaya, Malaysia: PPM [Pejabat Perdana Menteri].
- Shamsul Amri Baharuddin. (1990). *Masyarakat Malaysia yang Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Wallenstenn, P. (1987). *Understanding Conflict Resolution: A Framework, Peace Research, Achievements, and Challenges*. Boulder, Colorado: Westview Press.
- Wan Othman Wan Halim. (1992). *Asas Hubungan Etnik*. Pulau Pinang: Pusat Penyelidikan Dasar USM [Universiti Sains Malaysia].
- Yahaya Ismail. (1978). *Melayu di Pulau Pinang*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif.
- Zajda, J. *et al.* [eds]. (2009). "Nation-Building, Identity, and Citizenship Education: Cross-Cultural Perspectives in the Era of Globalization" dalam *Comparative Education and Policy Research*, 3 [Springer].
- Zajda, J. (2007). "Access, Inclusion, and Success". *Kertas kerja* dibentangkan pada Persidangan Science & Business Media di Hotel Plaza Crown, Parramatta, New South Wales, Australia, anjuran Mahasiswa Islam di Universiti Australia, pada 2-4 September.